

11 SEP 2002

MELAKA-PELANCONGAN

KEDATANGAN PELANCONG DARI SUMATERA DIJANGKA MENINGKAT

MELAKA, 11 Sept (Bernama) -- Melaka menganggarkan kedatangan pelancong dari Sumatera akan terus meningkat berikutan pertambahan jumlah penerbangan pesawat Merpati Air dari Melaka-Pekan Baru kepada empat kali seminggu.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata sejak pelancaran penerbangan terus Melaka-Pekan Baru pada 16 Ogos, jumlah penumpang pesawat berkenaan dianggarkan antara 41 dan 50 orang.

"Ini merupakan satu perkembangan yang baik. Pada mulanya ia menjalankan penerbangan tiga kali seminggu dan pada 5 Sept lepas, ia dijadikan empat kali seminggu," katanya di Seri Negeri, hari ini.

Mohd Ali berkata syarikat itu menjangka akan menambah satu lagi penerbangan bagi menjadikannya kepada lima kali seminggu, sekiranya jumlah pelancong dari Sumatera ke Melaka dan sebaliknya semakin meningkat.

Merpati Air menggunakan pesawat Fokker 27s yang boleh memuatkan seramai 50 penumpang dengan mengambil masa penerbangan selama satu jam dari Melaka ke Pekan Baru berbanding tujuh jam perjalanan sekiranya menggunakan perkhidmatan bas dan feri.

Ketua Menteri berkata kebanyakan pelancong Sumatera yang datang ke Melaka adalah untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang disediakan di beberapa buah hospital swasta di sini.

"Untuk ke Jakarta, ia agak jauh manakala di Singapura pula, kos rawatan yang disediakan agak tinggi. Oleh itu Melaka merupakan pilihan terbaik untuk mereka mendapatkan rawatan di hospital di negeri ini," katanya.

Memandangkan peningkatan dalam jumlah pelancong yang menggunakan perkhidmatan penerbangan ke Melaka, beliau berkata kerajaan negeri melalui Majlis Tindakan Ekonomi Negeri (MTEN) telah meminta kerajaan pusat memperbesarkan lagi landasan di Lapangan Terbang Batu Berendam bagi membolehkan pesawat Boeing 737 mendarat di situ.

"Saya telah bawa perkara ini kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam mesyuarat MTEN dan beliau (Dr Mahathir) meminta Kementerian Pengangkutan membuat kajian berhubung perkara itu," katanya.

Beliau berkata kerajaan negeri berharap kajian itu dapat dilaksanakan segera bagi memastikan industri pelancong terus berkembang dan membolehkan lebih banyak lagi pesawat mendarat di negeri itu. -- BERNAMA

SBS ZK